



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 14/2022

“ALERT”: Panggung Seni Tradisional 2022 (PST) Siri 3 menampilkan keasyikan dan keriangannya irama kebudayaan tradisional masyarakat Sikh di Utara India yang menggunakan alat muzik Dhol dan dimainkan dengan penuh penghayatan. Setiap rentak mewakili jiwa yang penuh keriangannya tanda mesyukuri kehidupan mereka melalui persembahan Gendang dan Tari Etnik Punjabi oleh Kumpulan *Dhol Alliance*.

PANGGUNG SENI TRADISIONAL “GENDANG DAN TARI ETNIK PUNJABI”

Kuala Lumpur, 23 Julai 2022 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mempersembahkan Gendang dan Tari Etnik Punjabi “*Sounds of Punjab*” sempena Panggung Seni Tradisional (PST2022) Siri ke-3 yang diadakan pada 22 dan 23 Julai 2022 (Jumaat & Sabtu) bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Kuala Lumpur.

Program ini merupakan usaha bagi memastikan kelestarian seni persembahan tradisional dapat diteruskan dan sebagai langkah pemeliharaan serta pengkalan seni warisan negara. Ia turut menjadi serampang dua mata dengan menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab persembahan tradisional dan salah satu produk pelancongan negara.

PST2022 telah dilaksanakan sejak tahun 2013 dengan menampilkan sebanyak 51 kesenian tradisional yang merangkumi tiga (3) genre iaitu tari, muzik dan teater dengan melibatkan 103 kumpulan kesenian terdiri daripada pelbagai NGO Seni Budaya, agensi kerajaan dan universiti awam. Pada tahun ini PST2022 kembali semula menemui peminat dengan menyajikan lima (5) pengisian iaitu Teater Tradisional Wayang Kulit - Pertembungan Tiga Dalang bertajuk "Derhaka Tiga Pengasuh" oleh Akademi Arjunasukma pada 27 & 28 Mei 2022, Himpunan Zapin Alam Melayu "Nuasa Zapin" oleh *Nyala Dance Theatre* pada 24 & 25 Jun 2022, Gendang dan Tari Etnik Punjabi "*Sounds of Punjab*" oleh Dhol Alliance pada 22 & 23 Julai 2022, Muzik dan Tarian Klasik Cina "*Eternal Love*" oleh Kelab Tarian Han Fong Kuala Lumpur pada 23 & 24 September 2022, serta Himpunan Terinai Perlis "Restorasi Terinai Perlis" oleh Fakulti Seni Kreatif Universiti Malaya & KESUMA yang akan dilaksanakan pada 21 & 22 Oktober 2022.

Gendang dan Tari Etnik Punjabi "*Sounds of Punjab*" akan mengetengahkan kebudayaan tradisional masyarakat Sikh di Utara India untuk menzahirkan kegirangan mereka apabila tiba musim menuai atau ketika mendapat perkhabaran yang gembira. Masyarakat Punjabi sinonim dengan tarian Bhangra yang telah mendapat pengiktirafan sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2009. Namun PST kali ini, penonton turut disajikan dengan persembahan Giddha, Jago dan Dhol.

Kumpulan Perantisan Dhol dibawah kelolaan JKKN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut diberikan peluang menyertai persembahan bersama kumpulan profesional jemputan seperti Giddha dan Bhangra yang diterajui oleh Dhol Alliance di dalam program tersebut. Penyertaan generasi muda ini sesungguhnya mampu meneruskan legasi kesenian tradisional dimasa akan datang. "*Sound of Punjab*" melibatkan 30 orang peserta ini akan memeriahkan program yang berlangsung selama dua hari berkenaan.

Turut hadir menyaksikan persembahan ialah YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dan YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris Timbalan Ketua Pengarah (Kebudayaan dan Kesenian), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

“Dengan penganjuran Panggung Seni Tradisional anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) ini akan dapat memberi peluang kepada semua golongan masyarakat untuk sama-sama mengenali dan menghayati keunikan serta keindahan seni budaya tradisional warisan negara agar tidak lapuk ditelan zaman, seterusnya melestarikan kesenian tradisional negara” kata YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya dalam kenyataan hari ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	---

